

NAMA : TINGKATAN :

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR

MODUL TOP 5 KUALA LUMPUR 2026
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5
SEJARAH 1249/1
Kertas 1
1 jam



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.



1 Jadual berikut menunjukkan cara Kesultanan Melayu Melaka meluaskan wilayah
(R) pengaruhnya.

Cara pelaksanaan kuasa	Wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka
X	• Lingga • Patani • Kedah

Apakah X?

- A Naungan

B Taklukan

C Kerajaan

D Pegangan
- 2 Mengapakah kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan jawatan Syahbandar?
(S)
- A Melaksanakan protokol istana

B Mengetuai rombongan diplomatik

C Mengawal keamanan dalam negeri

D Melicinkan kutipan cukai di pelabuhan
- 3 Mengapakah raja-raja Thailand menjalinkan hubungan yang baik dengan Barat?
(R)
- A Menghalang kebangkitan rakyat

B Mempertahankan kedaulatan

C Melindungi keluarga diraja

D Menguasai negara jiran
- 4 Bagaimanakah golongan intelektual berpendidikan agama menyalurkan idea perjuangan mereka?
(R)
- A Menggunakan akhbar

B Membawa bahan bacaan dari luar

C Menggalakkan penubuhan persatuan

D Melibatkan kerjasama dengan penjajah

5 Apakah punca tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914?

(R)

- A Pencerobohan wilayah Jerman
- B Kegagalan Perjanjian Versailles
- C Kejatuhan Empayar Uthmaniyah
- D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary

6 Tokoh berikut memberikan sumbangan penting kepada negara.

(S)

- Leftenan Adnan Saidi
 - Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC

Mengapakah tokoh tersebut perlu dihargai oleh generasi muda hari ini?

- A Menjalin hubungan dengan negara luar
- B Memajukan sistem ketenteraan negara
- C Memperjuangkan kedaulatan negara
- D Mempertahankan institusi beraja

7 Mengapakah Raja-raja Melayu menghantar surat bantahan terhadap Malayan Union kepada George Henry Hall di London pada tahun 1946?

(S)

- A Mengkritik undang-undang Barat
- B Memaklumkan keputusan mesyuarat
- C Menghalang British melanggar perjanjian
- D Mendakwa diperdaya wakil kerajaan British



- 8 Tokoh berikut merupakan perjuangan kemerdekaan Sarawak.
(T)



Rosli Dhoby

Apakah kesan perjuangan tokoh terhadap Sarawak?

- I Membangkitkan nasionalisme
 - II Membawa penubuhan parti politik
 - III Memperoleh hak berkerajaan sendiri
 - IV Memajukan pendidikan anak tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Maklumat berikut berkaitan pihak yang terlibat dalam Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan
(S) pada 1946.

- Pegawai British
- Pemimpin UMNO
- Wakil Raja-raja Melayu

Apakah matlamat penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Membincangkan bidang kuasa raja
- B Menentukan tarikh pilihan raya
- C Merangka asas Perjanjian Persekutuan
- D Mengawal pergerakan golongan radikal

[Lihat halaman sebelah
SULIT

10 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

(T)

Tarikh	Peristiwa
1 Februari 1948	Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap orang Melayu?

- A Berkuasa mengawal pentadbiran
- B Menggabungkan parti-parti politik
- C Mempermudah syarat kerakyatan
- D Diiktiraf sebagai penduduk asal

11 Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) mengukuhkan pengaruh pada peringkat awal penubuhannya?

(T)

- I Menerbitkan akhbar
- II Menyalurkan bantuan kewangan
- III Menjalin kerjasama dengan penduduk
- IV Menyusup masuk ke dalam kesatuan sekerja
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Dialog berikut mungkin berlaku di Tanah Melayu semasa zaman darurat.

Pegawai British	:	Kita sangat memerlukan sokongan penduduk tempatan untuk mengalahkan pengganas komunis.
Pemimpin Tempatan	:	Kami bersedia bekerjasama, asalkan hasrat dan tuntutan kami untuk mentadbir negara sendiri dipertimbangkan dengan segera.

Berdasarkan dialog tersebut, apakah kesan peristiwa darurat terhadap politik negara kita?

(R)

- A Mewujudkan perpaduan
- B Menjimatkan kos pentadbiran
- C Mempercepatkan kemerdekaan
- D Mewujudkan kestabilan politik

- 13** Maklumat berikut berkaitan Sistem Ahli yang dibentuk pada tahun 1951.
(T)

- Satu sistem kabinet bayangan
- Keahlian terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat

Bagaimanakah sistem tersebut membantu usaha ke arah berkerajaan sendiri?

- A** Melicinkan pentadbiran
B Menggalakkan perpaduan
C Mengenal pasti pemimpin berkaliber
D Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran
- 14** Sebelum merdeka, sistem pendidikan tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu.
(T)
Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
A Kemudahan asas terhad
B Tenaga pengajar kurang
C Kurikulum pelajaran berbeza
D Peruntukan kewangan dikurangkan
- 15** Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan pada tahun 1955.
(R)
Parti yang memenangi pilihan raya tersebut ialah
A Parti Buruh
B Parti Negara
C Parti Progresif
D Parti Perikatan
- 16** Kabinet pertama dibentuk selepas pilihan raya umum di Tanah Melayu pada tahun 1955.
(R)
Mengapakah pembentukan kabinet tersebut penting?
A Memperjuangkan pentadbiran tempatan
B Membanteras pengaruh komunis
C Menyekat campur tangan asing
D Memperkukuh kesetiaan rakyat
- 17** Apakah isu yang menjadi terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
(T)
A Mengekalkan raja berkuasa mutlak
B Mewujudkan kerajaan negeri yang kuat
C Menyediakan satu bentuk kewarganegaraan
D Mengukuhkan kedudukan rakyat pelbagai kaum

[Lihat halaman sebelah
SULIT

18 Maklumat berikut berkaitan dengan kewarganegaraan yang dicadangkan oleh pihak awam
(R) terhadap Suruhanjaya Perlembagaan.

Dewan Perniagaan Melayu	Persatuan Dewan Perniagaan Cina
Mengetatkan syarat kewarganegaraan	X

Apakah X?

- A Kewarganegaraan naturalisasi
- B Kewarganegaraan melalui kelahiran
- C Kewarganegaraan melalui pendaftaran
- D Kewarganegaraan melalui permohonan

19 Peristiwa berikut berkaitan dengan upacara sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
(S)

- Laungan merdeka sebanyak tujuh kali
 - 101 das tembakan dilepaskan

Apakah simbolik daripada peristiwa tersebut?

- A Penghormatan kepada British
- B Pembentukan negara berdaulat
- C Pengakhiran campur tangan Barat
- D Penamatan pentadbiran tradisional

20 Mengapakah kedaulatan undang-undang penting kepada negara kita?
(R)

- I Mengukuhkan perpaduan
- II Memastikan kesejahteraan
- III Mengekalkan keamanan
- IV Melahirkan kesetiaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 21** Perkataan berikut berkaitan konsep kedaulatan menurut bahasa Inggeris.
(R)

sovereignty

Apakah maksud perkataan tersebut?

- A** Keagungan
 - B** Kesejahteraan
 - C** Kekuatan kerajaan
 - D** Kuasa penuh pemerintahan
- 22** Sambutan Hari Pahlawan diadakan setiap tahun di negara kita.
(S) Apakah kepentingan sambutan tersebut kepada generasi kini?
- A** Menarik pelancong
 - B** Meningkatkan imej
 - C** Memupuk patriotisme
 - D** Membantu pejuang
- 23** Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19?
(R)
- A** Membendung keganasan komunis
 - B** Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - C** Menghalang campur tangan kuasa asing
 - D** Mengelakkan penindasan terhadap penduduk
- 24** Mengapakah Raja Muda Yusuf menubuhkan Majlis Negeri Perak?
(R)
- A** Melantik pembesar negeri
 - B** Melindungi kebajikan rakyat
 - C** Menentukan hala tuju negeri
 - D** Menggubal undang-undang
- 25** Majlis berikut dibentuk selepas penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1897.
(R)

Durbar


Mengapakah majlis tersebut dibentuk?

- A** Membincangkan hal agama dan adat
- B** Membincangkan hal ehwal pentadbiran
- C** Menggubal undang-undang Persekutuan
- D** Melantik ahli Jemaah Menteri Persekutuan

[Lihat halaman sebelah
SULIT

26 Gambar berikut menunjukkan Istana Kehakiman di negara kita.

(R)



Apakah fungsi badan kehakiman?

- A Mentafsir undang-undang
- B Mengendali pilihan raya
- C Membubar parlimen
- D Meminda perlembagaan

27 Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama untuk menjamin kesejahteraan rakyat?

(T)

- I Penyediaan perumahan rakyat
 - II Pembangunan koridor wilayah
 - III Membangunkan taman rekreasi
 - IV Menyediakan pendidikan teknologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

28 Apakah peranan Majlis Kewangan Negara dalam menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

(R)

- A Membentuk dasar tanah
- B Menguruskan bayaran cukai
- C Membangunkan Kerajaan Tempatan
- D Menyediakan tanah pada harga rendah

29 Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan Singapura bagi meninjau pandangan rakyatnya terhadap gagasan Malaysia pada tahun 1962?

(S)

- A Melalui usul parlimen
- B Membuat referendum
- C Mengadakan lawatan
- D Melaksana pilihan raya

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 30 Rajah berikut menunjukkan perubahan tarikh pembentukan Malaysia.
(R)



Mengapakah berlaku perubahan tarikh tersebut?

- A Bantahan rakyat Brunei
 - B Kelewatan laporan PBB
 - C Serangan dari Indonesia
 - D Ancaman komunis
- 31 Apakah isu ekonomi yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura selepas pembentukan Malaysia?
(S)
- A Rusuhan kaum
 - B Peranan Singapura terhadap
 - C Nilai pertukaran mata wang
 - D Tambahan cukai
- 32 Apakah faktor utama tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?
(S)
- A Propaganda tentera Jepun
 - B Kemelesetan ekonomi dunia
 - C Keputusan Pilihan raya Umum Ketiga
 - D Provokasi daripada pihak British
- 33 Mengapakah kerajaan menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Mei 1970?
(S)
- A Memartabatkan Bahasa Melayu
 - B Memperkukuh integrasi nasional
 - C Memupuk jati diri rakyat Malaysia
 - D Mempelbagaikan institusi keilmuan
- 34 Apakah tujuan pengisytiharan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970?
(R)
- A Membangunkan modal insan
 - B Mengukuhkan perpaduan rakyat
 - C Meningkatkan kemajuan ekonomi
 - D Memupuk semangat juang rakyat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 35**
(T) Bagaimanakah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) membantu mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat?
- I** Meningkatkan hubungan dagang
 - II** Mengurangkan kadar cukai
 - III** Menambah pendapatan rakyat
 - IV** Memperbanyak peluang pekerjaan
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 36**
(R) Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berjaya melahirkan masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.
Apakah bukti kejayaan tersebut?
- A** Pembentukan kelas bumiputera komersial
 - B** Pembukaan pemilikan saham amanah
 - C** Peningkatan kualiti hidup penduduk
 - D** Pengurangan kadar kemiskinan rakyat
- 37**
(S) Dasar luar penting kepada Malaysia kerana mampu mempengaruhi tindakan negara.
Pihak manakah yang berperanan menggubal dasar tersebut?
- A** Kementerian Dalam Negeri
 - B** Kedutaan Malaysia
 - C** Parlimen Malaysia
 - D** Pejabat Wisma Putra
- 38**
(R) Sidang kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN telah diadakan di Bali, Indonesia pada tahun 1976.
Mengapakah persidangan tersebut diadakan?
- A** Membincangkan pergolakan di Indochina
 - B** Mengatasi ancaman komunis di Thailand
 - C** Menamatkan konfrontasi Indonesia
 - D** Menyelesaikan pencemaran alam sekitar

[Lihat halaman sebelah
SULIT

39 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Malaysia dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

(R)

Tahun	Peristiwa
1992	Perjanjian kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) ditandatangani

Apakah tujuan perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Mengurangkan kebergantungan kepada Barat
- B Meningkatkan kerjasama ekonomi
- C Menghapus monopoli kuasa besar
- D Mengurangkan cukai pelabuhan

40 Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Langkawi mulai tahun 1991. Mengapakah anugerah tersebut diperkenalkan?

(S)

- A Mengiktiraf atlet yang berjaya dalam sukan
- B Menggalakkan penglibatan dalam bidang teknologi
- C Menghargai sumbangan dalam bidang alam sekitar
- D Mengiktiraf penglibatan dalam bidang kemanusiaan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT